

Panduan mata wang kripto

Dianggap oleh sebahagian pihak sebagai mata wang masa depan, nilai mata wang kripto telah turun naik dalam setahun yang lalu dan kini bernilai sekitar AS\$2.4 trilion (\$3.6 trilion). Berita Harian meneroka perihal mata wang kripto dalam infografik ini.

10 MATA WANG KRIPTO PALING BERNILAI MENGIKUT HARGA PASARAN

BAGAIMANA MATA WANG KRIPTO DAN BLOCKCHAIN BERFUNGSI

Mata wang kripto ialah wang maya yang dibenarkan bagi sebahagian urus niaga dalam talian. Biasanya, mata wang sedemikian dikendalikan dalam sistem yang tidak dikuasai sebarang entiti. Sebaliknya, rekod setiap urus niaga dirakam dalam lejar bernama *blockchain*. Keselamatan lejar ini dikatakan terjamin kerana ia hanya diagih menggunakan kriptografi, iaitu wadah perhubungan sulit.

Membuat bayaran

- Kadir ingin membayar Yahya menggunakan Bitcoin



- Urus niaga ini tidak melibatkan bank atau orang tengah. Sebaliknya, urus niaga ini disebar ke seluruh rangkaian Bitcoin.

Mengesahkan urus niaga

- Pelombong di rangkaian Bitcoin mengumpulkan urus niaga ini dengan urus niaga lain yang berlaku pada masa itu dalam satu blok.



- Bagi mengesahkan kesahihan blok tersebut, pelombong berlumba untuk menghuraikan masalah matematik yang sukar.
- Rekod bagi blok yang disiapkan oleh pelombong pertama yang menghuraikan masalah tersebut diberi ganjaran dalam bentuk Bitcoin dan bloknya ditambah kepada *blockchain*.



Urus niaga disahkan


- Menyusuli itu, blok yang mengandungi urus niaga Kadir itu ditindih blok-blok lain dalam rangkaian *blockchain* itu.
- Seseorang yang ingin mengganggu urus niaga Kadir bukan sahaja perlu melombong rekod baru bagi blok itu, malah rekod bagi blok-blok lain.



KESAN TERHADAP SEKITARAN

- Melombong rekod unik bagi sebarang blok memerlukan tenaga elektrik dan banyak mata wang kripto menggunakan tenaga elektrik yang banyak.
- Bitcoin kini menggunakan tenaga elektrik pada tahap yang boleh menandingi pengguna elektrik sebahagian negara-negara kecil.
- Ia juga mengeluarkan lebih banyak karbon dioksida berbanding Greece.

Perbandingan penggunaan tenaga Bitcoin dengan beberapa negara



- 1 Bitcoin (BC)**
 Bitcoin dan *blockchain* pertama kali diumumkan dalam kertas akademik pada 2008 oleh seseorang atau sebuah kumpulan yang menggelarkan dirinya sebagai Satoshi Nakamoto. Identiti sebenar entiti ini tidak diketahui sehingga masa ini. Bitcoin ialah mata wang kripto yang paling berjaya dan ia juga banyak ditiru. Pada masa ini ia kekal sebagai mata wang kripto paling bernilai dalam pasaran, kedudukan yang tidak berubah sejak lebih sedekad yang lalu.
 - Diedarkan: Sejak 2009
 - Nilai keseluruhan: **AS\$1,117 bilion** berdasarkan harga satu unit iaitu **AS\$59,206.52**
- 2 Ethereum (ETH)**
 Mata wang ini adalah platform sofwe yang membenarkan kontrak bijak dan aplikasi untuk dibangunkan dan beroperasi 24/7 tanpa sebarang kawalan, penipuan, atau campur tangan pihak ketiga. Ether ialah mata wang natif bagi platform itu.
 - Diedarkan: Sejak 2015
 - Nilai keseluruhan: **AS\$449 bilion** **AS\$3,804.59/unit**
- 3 Binance Coin (BNB)**
 Ini adalah mata wang kripto yang dikeluarkan oleh bursa Binance, iaitu antara bursa paling popular di dunia berdasarkan jumlah dagangannya.
 - Diedarkan: Sejak 2017
 - Nilai keseluruhan: **AS\$79 bilion** **AS\$466.26/unit**
- 4 Cardano (ADA)**
 Platform *blockchain* ini ingin dianggap sebagai alternatif bagi Ethereum. ADA ialah mata wang dalaman bagi platform ini.
 - Diedarkan: Sejak 2017
 - Nilai keseluruhan: **AS\$72 bilion** **AS\$2.20/unit**
- 5 Tether (USDT)**
 Ia adalah sejenis *stablecoin*, atau kumpulan mata wang kripto yang cuba menawarkan harga stabil dan ditetapkan dengan mata wang lain.
 - Diedarkan: Sejak 2015
 - Nilai keseluruhan: **AS\$69 bilion** dan ditetapkan dengan nilai dolar AS
- 6 XRP (XRP)**
 Ripple ialah syarikat di balik mata wang kripto bernama XRP. Beberapa bank utama menggunakan sistem pembayaran XRP.
 - Diedarkan: Sejak 2013
 - Nilai keseluruhan: **AS\$54 bilion** **AS\$1.14/unit**
- 7 Solana (SOL)**
 Ia sering digelar sebagai 'pembunuh Ethereum'.
 - Diedarkan: Sejak 2020
 - Nilai keseluruhan: **AS\$49 bilion** **AS\$161.58/unit**
- 8 Polkadot (DOT)**
 Ini satu lagi wang kripto yang disifatkan sebagai 'pembunuh Ethereum'.
 - Diedarkan: Sejak 2020
 - Nilai keseluruhan: **AS\$40 bilion** **AS\$40.76/unit**
- 9 USD Coin (USDC)**
 Ini adalah sejenis *stablecoin*. Satu token USDC sentiasa bernilai AS\$1.
 - Diedarkan: Sejak 2018
 - Nilai keseluruhan: **AS\$33 bilion** **AS\$1/unit**
- 10 Dogecoin (Doge)**
 Mata wang ini dicipta sebagai satu alternatif bagi wang kripto tradisional.
 - Diedarkan: Sejak 2013
 - Nilai keseluruhan: **AS\$30 bilion** **AS\$0.23/unit**

SEJARAH MATA WANG

Sekitar 9,000 Sebelum Masehi (SM)

Perdagangan tukar barang
Kerbau dan haiwan ternakan lain didagang sebagai mata wang

1,000 SM

Duit syiling logam
Logam yang dibentuk serupa cangkerang dari China dianggap sebagai sejenis duit syiling pertama

600 SM

Duit syiling emas dan perak
Mata wang negara pertama di Turkey

Sekitar 800

Wang kertas
Versi pertama wang kertas dicetak di China. Nota bank diperkenalkan di Eropah pada kurun ke-17

1400

Bank
Konsep perbankan, hutang komersial mula timbul

1816

Piawaian Emas
Secara rasmi dijadikan piawaian untuk nilai di England. Juga digunakan di Amerika Syarikat dari 1900.

Tahun 1930-an

Akhir Piawaian Emas
Piawaian ini disemak di Amerika dan emas tidak lagi digunakan sebagai ukur tara. Piawaian Emas di Britain dan di peringkat antarabangsa juga berakhir

1950

Kad Kredit
Diner's Club mengeluarkan kad kredit yang boleh digunakan di beberapa tempat

Akhir tahun 1990-an

Pembayaran digital
Pembayaran menerusi alat elektronik bermula

2009

Mata wang maya
Bitcoin dilancarkan sebagai mata awang kripto yang tidak dikuasai entiti pusat. Menyusuli itu, mata wang kripto lain diperkenalkan.

14 April, 2021

Perdagangan mata wang kripto di Wall Street
Coinbase, firma pertama yang ditubuhkan khusus bagi mata wang kripto disenarai di bursa saham Amerika

7 September 2021

Bitcoin menjadi wang sah
El Salvador menjadi negara pertama menerima Bitcoin untuk kegunaan harian.

UNDANG-UNDANG BAGI MATA WANG KRIPTO DI SELURUH DUNIA

Amerika Syarikat

- Meskipun mempunyai ramai pelabur mata wang kripto dan syarikat *blockchain*, Amerika belum lagi mempunyai rangka kerja undang-undang jelas bagi aset ini.

Kesatuan Eropah

- Mata wang kripto sah digunakan di kebanyakan negara, meskipun nilainya berbeza-beza di negara berlainan.

China

- Bank pusat di China berkata semua urus niaga berhubung mata wang kripto dilarang.

Singapura

- Mata wang dianggap sebagai harta, tetapi bukan wang sah.
- Lesen token bagi pembayaran digital diberikan kepada firma fintech setempat Fomo Pay, DBS Vickers dan bursa kripto Australian Independent Reserve.

El Salvador

- Ia adalah negara pertama menerima Bitcoin sebagai wang sah.